

D129

B B052 BAH

MAHATHIR - PERUTUSAN

(I)

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEPERCAYAAN MALAYSIA TERHADAP BANGSA-BANGSA BERSATU MASIH TIDAK BARUBAH WALAUPUN TERDAPAT BANYAK KELEMAHAN.

WALAU BAGAIMANAPUN, SESETENGAH DARIPADA PENGASAS BADAN DUNIA ITU, EMPAT DESAWARSA YANG LALU, KINI MENCABAR ASAS-ASAS PERLUNYA FORUM ITU, KATANYA DALAM PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU, ENCIK JAIME DE PINIES, SEMPENA ULANGTAHUN KE-40 BADAN DUNIA ITU.

+KRITIKAN YANG DITIMBULKAN DI PERTUBUHAN ITU OLEH NEGARA-NEGARA KAYA DAN GAGAH MENGESAHKAN KEINGINAN MEREKA UNTUK MENGGUNAKAN IA BAGI MENAIKKAN IMEJ MEREKA,+ KATANYA.

+PENUBUHAN BANGSA-BANGSA DALAM 1945 ADALAH HASIL KESEDARAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN TERHADAP KEHANCURAN YANG DISEBABKAN OLEH PERANG DUNIA KEDUA.+

BANGSA-BANGSA BERSATU KINI TELAH BERKEMBANG DAN DIANGGOTAI OLEH 159 BUAH NEGARA SEBAHAGIAN BESARNYA DARI AFRIKA DAN ASIA DAN TERUS MENERUS BERUSAHA MENDAPATKAN PENYELESAIAN SECARA AMAN BAGI MELAHIRKAN PERATURAN DUNIA YANG LEBIH TERJAMIN DAN ADIL, KATA PERDANA MENTERI.

-- LAGI

MAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR

(I)

MENURUTNYA, NEGARA-NEGARA YANG GAGAH MESTILAH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA BANGSA-BANGSA BERSATU SEKARANG INI BUKAN LAGI SATU FORUM EKSKLUSIF BAGI KUASA-KUASA BESAR UNTUK MENDAPATKAN KEPENTINGAN MEREKA.

+AMALAN PAKSAAN DALAM KEDUA-DUA BIDANG KEWANGAN DAN POLITIK, SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG, OLEH NEGARA KUASA BESAR KE ATAS NEGARA YANG LEMAH ADALAH TIDAK SIHAT DAN MESTI DIHENTIKAN. KITA TIDAK BOLEH MEMBENARKAN BANGSA-BANGSA BERSATU DIGUNAKAN OLEH NEGARA-NEGARA YANG BESAR UNTUK MEMBESAR-BESARKAN PERSELISIHAN MEREKA,+ KATANYA.

MENURUTNYA, BANGSA-BANGSA BERSATU HENDAKLAH KEKAL SEBAGAI SATU FORUM UNTUK HUBUNGAN DIPLOMATIK PELBAGAI HALA DI MANA TOLAK ANSUR DAN KERJASAMA PALING DIPENTINGKAN.

SUMBANGAN BERHARGA BANGSA-BANGSA BERSATU DALAM MEMPERJUANGKAN MEREKA YANG TERTINDAS, YANG MISKIN DAN KURANG BERNASIB BAIK PERLU DIPUJI, TETAPI, TEKANAN OLEH NEGARA-NEGARA KAYA DAN GAGAH TELAH MENGHENTIKAN USAHA-USAHA ITU, DENGAN MENGENEPIKAN MAJORITI NEGARA-NEGARA ANGGOTA APA YANG MEREKA PERLUKAN, KATANYA. -- BERNAMA

2041MST 24 10 85